

Mahathir mahu perbadanan filem jadi pengkritik

KUALA LUMPUR, 18 Jun — Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (PKFNM) yang baru dilancarkan patut memegang peranan pengkritik yang menyedarkan pengeluar-pengeluar filem tempatan tentang kelemahan-kelemahan dalam filem keluaran mereka.

Semasa merasmikan mesyuarat pertama ahli lembaga PKFNM di pejabatnya hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata peranan perbadanan itu dalam hal ini lebih-lebih lagi adalah penting kerana kadangkala pengeluar-pengeluar filem tempatan tidak mahu menerima pandangan pengkritik-pengkritik yang sedia ada.

Timbalan Perdana Menteri menarik perhatian kerap juga suatu kritikan yang bersifat terbuka lebih meninggalkan kesan buruk ke atas filem tempatan.

Beliau menyatakan PKFNM boleh membiayai anak-anak tempatan belajar meningkatkan kualiti penulisan cerita filem dan teknik perfileman di luar negeri di samping tugasnya menyediakan kelengkapan fizikal bagi pengeluaran filem tempatan.

Dengan sokongan kewangan dari kerajaan, Datuk Sri Dr. Mahathir menyuarakan harapan supaya PKFNM dapat menempa kejayaan bukan sahaja bagi filem-filem tempatan berbahasa Malaysia tetapi juga filem bahasa asing yang bercorak Malaysian.

Sebelum itu Timbalan Perdana Menteri berkali-kali mengingatkan pengeluar filem tempatan supaya memperbaiki jalan cerita yang menjadi asas sesebuah filem kerana ini adalah penentu mutu filem berkenaan.

Menurutnya, dalam hal ini pengeluar filem tempatan harus belajar dari industri Barat di mana mereka selalunya memiliki sekumpulan penulis yang bertugas mengolah cerita asas sesebuah filem.

Beliau memberi contoh kejayaan sesebuah siri drama Barat tertentu yang ditayangkan oleh televisyen tempatan adalah kerana kemampuan mengolah cerita setiap minggu walaupun pada dasarnya temanya adalah sama.

"Kejayaan ini berpunca dari tugas yang dipikul bersama oleh sekumpulan penulis cerita", ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau sebaliknya membandingkan bahawa jalan cerita dalam filem-filem tempatan sebaliknya kerap tidak menasabah.

"Soal sama ada sebuah cerita menasabah dan sama ada ia mencerminkan keadaan hidup yang boleh difahami oleh orang lain adalah yang menentukan sama ada sebuah filem tempatan akan mendapat sambutan di luar negeri.

"Soal sarikata bukanlah perkara utama sama ada filem tempatan boleh mendapat sambutan di Negeri Thai, di Asia Barat dan sebagainya", kata Timbalan Perdana Menteri.